

Beginilah Contoh Peribadi yang Menjadi Teladan!

Syawal menarik nafas panjang sewaktu memakai jaketnya, "Dulu, aku benar-benar merasa selesa untuk ke tempat kerja," gumamnya sambil melangkah ke pintu untuk berangkat ke tempat kerjanya, di klinik seorang doktor haiwan. "Tak guna, doktor Lim! Kenapa dia perlu bercakap dengan cara yang menjelekan?"

Sudah dua tahun Syawal bekerja sepenuh waktu untuk Dr. Lim, seorang doktor haiwan sekaligus teman ibu bapanya. Syawal gembira ketika mendapat pekerjaan tersebut. Dia suka bekerja dengan haiwan dan belajar tentang menguruskan cara menguruskan haiwan.

Namun akhir-akhir ini, Dr. Lim sering marah dan merungut. Dalam setahun kebelakangan, klinik haiwannya membangun dengan pesat. Banyak haiwan peliharaan yang harus diperiksa. Dr. Lim selalu kelihatan sibuk. Dia tidak banyak berbual dengan Syawal atau mengatakan apa sahaja yang harus Syawal lakukan, tetapi marah ketika Syawal sendiri mencuba dan menyelesaikan tugas yang ada. Sudah beberapa kali Dr. Lim memarahi Syawal di depan Betty, setiausaha klinik tersebut.

Syawal tidak tahu, apa yang harus dia lakukan. Dia sedang memikirkan untuk berhenti saja dan mencari kerja lain, tetapi dia benar-benar suka menguruskan anjing, kucing dan burung di klinik. Dia juga memerlukan pekerjaan itu untuk membayar ansuran bulanan keretanya.

Syawal memutuskan untuk meminta nasihat ayahnya, Yusof. Dia dan ayahnya sangat rapat, bahkan ibunya sering mengatakan bahawa mereka berdua seperti "mimi dan mintuna".

Ketika Syawal dan Yusof membincangkan masalah tersebut, si ayah meminta anaknya untuk menjelaskan masalah-masalahnya, iaitu bagaimana ianya bermula, perasaan Syawal tentangnya dan bagaimana perkembangannya sekarang.

Setelah mendengar dengan teliti, Yusof berkata, "Ayah fikir, ada dua masalah utama di sini. Kamu dan Dr. Lim perlu berkomunikasi lebih baik sehingga kamu dapat melakukan tugasmu. Kamu juga harus berani mengambil sikap dan tidak membiarkannya memarahimu meskipun dia adalah majikanmu. Mungkin kamu harus berbincang berdua dengannya."

"Tapi aku harus berkata apa dengannya, Ayah? Berhenti memarahiku?" tanya Syawal.

"Ya, seperti itu, tapi dengan cara yang lebih baik. Mungkin doktor terlalu sibuk dan kamu dapat membantunya jika dia memberitahumu apa yang harus kamu lakukan."

Yusof dan Syawal membuat rancangan untuk memilih masa membincangkan tanggungjawab kerjanya dengan Dr. Lim. Sebelum pertemuan, Syawal akan membuat tugas yang menurutnya perlu dilakukan di klinik dan bertanya kepada Dr. Lim tentang langkah melaksanakan tugas tersebut. Syawal akan mengatakan kepada Dr. Lim bahawa dia dapat membantu dengan lebih banyak lagipun klinik kini semakin sibuk.

Yusof dan Syawal berlatih tentang perkara-perkara yang akan dikatakan Syawal kepada Dr. Lim, supaya Syawal akan lebih bersedia. Yusof mengingatkan bahawa Dr. Lim mungkin sukar didekati, tetapi Syawal harus bertahan dan berani mengemukakan pendapatnya.

”Ingat Syawal, dia bukan orang jahat, cuma sekarang dia terlalu sibuk. Dia hanya perlu diingatkan bahawa dia harus berkomunikasi secara lebih baik, dan kamu juga berhak mendapatkan sikap hormat darinya,” nasihat Yusof kepada anaknya.

Rasa rendah diri Syawal membuat Syawal sukar mempertahankan harga diri, terutama sewaktu menghadapi majikannya.

Sikap hormat kepada diri sendiri, iaitu berani menyatakan pendapat secara wajar, adalah pelajaran yang penting bagi remaja. Banyak remaja seperti Syawal, yang belum berpengalaman dalam kehidupan duniawi dan diri mereka diinjak baik secara emosi mahupun lainnya oleh orang yang lebih dewasa dan berpengalaman. Mereka mungkin tidak tahu bagaimana mengatasi situasi ini dan melakukan hal yang dilakukan Syawal, mengharap masalah ini akan berlalu dengan sendirinya, tanpa melakukan tindakan untuk menyelesaikannya.

Atau, mungkin remaja akan bertindak berbeza. Remaja yang cenderung lebih agresif mungkin bertindak kasar apabila ditentang oleh seseorang seperti Dr. Lim. Mereka mungkin berhenti kerja, mencaci atau mengancam doktor tersebut secara fizikal. Situasi mungkin menjadi sangat hangat.

Tidak satu pun dari kedua cara di atas merupakan penyelesaian yang tepat untuk memperoleh sikap hormat. Syawal perlu belajar bersikap berani mengemukakan keinginannya, sedangkan remaja yang cenderung agresif perlu belajar menyatakan keinginannya dengan baik, bukan menggunakan ancaman atau kekuatan fizikal.

Ayah Syawal menggunakan teknik *Pengajaran Preventif* untuk membantu anaknya menetapkan fokus pada salah satu tindakan yaitu sikap hormat, agar Syawal mendapatkan apa yang dia inginkan. Yusof menerangkan hal-hal yang harus diketahui oleh anaknya itu, dalam hal ini dua masalah utama yaitu kurangnya komunikasi dari Dr. Lim serta keengganan Syawal untuk menyatakan pendapat. Kemudian, Yusof memberikan alasan mengapa komunikasi dan sikap hormat kepada diri sendiri adalah penting. Bersama-sama, kemudian keduanya berlatih tentang apa yang harus dikatakan Syawal ketika bertemu dengan majikannya, Dr. Lim.

Remaja seperti Syawal sering memerlukan bantuan kita ketika belajar menyelesaikan masalah "orang dewasa", misalnya konflik di tempat kerja. Dengan teknik *Pengajaran Preventif*, cara sistematis diperoleh ibu bapa untuk mengajar remaja kemampuan praktikal yang diperlukan. Bab 4 mengenai teknik *Pengajaran Preventif* membincangkan lebih terperinci tentang cara menggunakan teknik ini.